

Anggota Pas bersatu, kata Fadzil Noor

ALUR SETAR, Isnin
Pesuruhjaya Pas
Negeri Kedah, Encik
Fadzil Noor, mensifat-
kan kemenangan tan-
pa bertanding Haji
Yusof Rawa dan be-
liau sendiri bagi jawa-
tan presiden dan tim-
balan presiden parti
itu sebagai tanda ke-
yakinan ahli-ahli Pas
kepada kepemimpi-
nan baru parti.

"Ini juga menunjukkan

adanya perpaduan di ka-
langan ahli-ahli Pas wa-
laupun pucuk pimpinan
parti bertukar tangan,"
katanya ketika mengulas
laporan mengenai dua ja-
watan itu.

Haji Yusof dan Encik
Fadzil mengekalkan ja-
watan masing-masing
bila pencalonan bagi ja-
watan-jawatan dalam
muktamar agung parti
itu ditutup Jumaat lalu.

Muktamar agung parti
itu akan diadakan sela-
ma tiga hari di Dewan
Bahasa dan Pustaka,
Kuala Lumpur.

Encik Fadzil berkata
kejayaan itu juga ada
pertanda baik bagi masa
depan Pas setelah
mengalami krisis kepe-
mimpinan berikutan per-
letakan jawatan Datuk
Haji Asri Muda awal
Februari lalu.

"Saya yakin masa de-
pan Pas akan bertambah
baik dengan adanya per-
paduan di dalam parti,"
tambahnya.

Beliau yakin krisis ke-
pemimpinan yang berla-
ku dalam parti itu tidak
menjejaskan keutuhan
parti, tetapi memberi pe-
luang untuk penyusunan-
nya semula.

Menurutnya, sungguh-
pun jawatan presiden
dan timbalan presiden ti-
dak akan ditandingi,
muktamar akan datang
tetap penting kerana per-
lembagaan parti akan di-
pinda.

Para perwakilan, tam-
bahnya, berpeluang
membahaskan cadangan
pindaan perlembagaan
parti itu sebelum dilu-
luskan.

Beliau yakin kesemua
pindaan yang akan dica-
dangkan itu akan dilu-
luskan oleh muktamar
agung kerana kebanya-
kan pindaan itu berda-
sarkan kepada usul-usul
yang diluluskan di dalam
muktamar lalu.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia